

17 MAY 2000

DR MAHATHIR TANDATANGANI BUKU TAKZIAH OBUCHI

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menandatangani buku takziah kematian bekas perdana menteri Jepun Keizo Obuchi di Kedutaan Jepun di sini.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di kedutaan itu disambut oleh Duta Jepun ke Malaysia, Hideki Harashima.

Syed Hamid turut menandatangani buku takziah berkenaan.

Obuchi yang diserang angin ahmar dan kemudian koma selalu enam minggu, meninggal dunia Ahad lepas.

Upacara pengkebumian mendiang Obuchi diadakan di Tokyo semalam.

-- BERNAMA

HS ZKS RON